

**SPEKIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED JAMBU BATU****Standard FAMA FS017 - 2001****1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk Jambu Batu varieti berbiji dan tiada biji atau nama botaninya *Psidium guajava* L. yang di pasarkan untuk kegunaan segar.

**2. DEFINISI TERMA**

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

- 2.1 Kematangan - Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:
  - 2.1.1 Indeks 1 – Buah muda. Kulit berwarna hijau sepenuhnya dan seluruh permukaan agak kasar. Tekstur isi masih keras.
  - 2.1.2 Indeks 2 – Buah matang. Kulit berwarna hijau keputihan, licin dan berkilat. Tekstur isi pejal dan rangup, berbunyi padat apabila di jentik.
  - 2.1.3 Indeks 3 – Buah masak. Permukaan kulit berwarna kekuningan atau kuning kemerahan. Tekstur isi menjadi lembut dan mengeluarkan aroma yang agak kuat.
- 2.2 Kematangan seragam - Konsainan yang mengandungi satu indeks kematangan.
- 2.3 Segar - Buah segar mempunyai permukaan kulit yang licin dan tekstur isi yang pejal (firm) dan rangup.
- 2.4 Kotor - Buah yang terdapat kesan-kesan bahan asing yang tidak dibersihkan seperti kesan sarang serangga, serangga seperti teritip, koya atau hama, kulapuk, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.
- 2.5 Kecacatan – Buah yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
  - 2.5.1 Cacat - Buah yang bentuknya tidak normal atau sempurna sebagaimana kultivarnya.
  - 2.5.2 Cacat rupa - Tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti berbintik, karat, nyahwarna luar biasa dan kesan parut yang tidak boleh dibersihkan, tetapi tidak menjejaskan isi buah. Kesan ini meliputi lebih 5% pada permukaan kulit buah.
- 2.6 Rosak – Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga atau haiwan perosak, penyakit, kecederaan mekanikal pengendalian yang akan menjejaskan jangkahayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti.

**3. KEPERLUAN MINIMUM**

- 3.1 Agak bebas daripada rosak disebabkan kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.
- 3.2 Agak bebas daripada kecacatan serta sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3 Telah mencapai tahap kematangan yang mencukupi (indeks 2) seperti yang dikehendaki oleh pasaran.

4. **PENGELASAN GRED DAN SAIZ**

4.1 Jambu Batu dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

<b>Gred</b>	<b>Spesifikasi</b>	<b>Kelonggaran (Maksimum)</b>
<b>Premium</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 3\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 3\%$ Kecacatan $\leq 3\%$ Keseragaman saiz $\leq 5\%$
<b>1</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$
<b>2</b>	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$

4.2 Bagi Jambu Batu, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) sepertimana jadual berikut;

<b>Saiz</b>	<b>Kod</b>	<b>Jambu Batu Berbiji (g)</b>	<b>Jambu Batu Tanpa Biji (g)</b>
Besar	L	> 450	> 300
Sedang	M	351 - 450	251 - 300
Kecil	S	250 - 350	200 - 250

*Rujukan Standard : Specification for Fresh Guava MS : 1149 (1989)*

## 5. **PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN**

### 5.1 Pembungkusan

5.1.1 Jambu Batu daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### 5.2 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

5.1.1 Tarikh

5.1.2 Nama/Kod Penanam

5.1.3 Nama/Kod Pengeksport

5.1.4 No. Kad Pengenalan

5.1.5 No. Pendaftaran Syarikat

5.1.6 Alamat

5.1.7 Komoditi

5.1.8 Berat bersih

5.1.9 Gred

## 6.0 **PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 "Method of Sampling Fresh Fruits", atau kaedah statistik yang dipersetujui.